

Sebuah Versi Baru *Hikayat Misa Melayu* Berdasarkan MS Or. 832 di Cambridge University Library

JELANI HARUN

ABSTRAK

Misa Melayu dikenali sebagai salah sebuah karya besar yang lahir dalam sejarah Negeri Perak. Karya nukilan Raja Chulan pada abad ke-18 tersebut memperlihatkan suatu contoh ketinggian seni penulisan pengarang tradisi Melayu pada masa silam. Penerbitan *Misa Melayu* oleh R.O. Winstedt pada 1919 telah mengenengahkan karya tersebut kepada pembaca dengan pelbagai tafsiran dibuat terhadapnya oleh para sarjana. Walau bagaimanapun, penelitian penulis ke Cambridge University Library telah menemui sebuah manuskrip (MS Or. 832) yang agak jarang dibicarakan oleh para peneliti manuskrip Melayu sebelum ini. Manuskrip mengandungi beberapa perbezaan ketara berbanding dengan teks *Misa Melayu* terbitan Winstedt termasuk judulnya yang bermula dengan *Hikayat Misa Melayu*. Penulisan ini bermatlamat untuk membicarakan MS Or. 832 yang tersimpan di Cambridge University Library sebagai sebuah versi baru teks *Misa Melayu* dan seterusnya membuka ruang perbincangan terhadap kepentingannya dalam sejarah Negeri Perak.

Kata kunci: *Misa Melayu, seni penulisan, manuskrip Melayu, versi baru, sejarah*

ABSTRACT

Misa Melayu is known as one of the greatest historical works from Perak. This masterpiece from the pen of Raja Chulan during the 18th century became the solidary example of how the art of writing was done by traditional Malay writers in the past. The publication of *Misa Melayu* by R.O. Winstedt in 1919 has taken interest among scholars to study in depth the value of this work and some have made various claims about this work. Nevertheless, this article is written with an advantage and support of an old Malay manuscript (MS Or. 832) kept within the Cambridge University Library which was not very often read by scholars. During this research, a few key differences has been revealed between the text *Misa Melayu* published by R.O. Winstedt and the one kept in the Cambridge University Library which includes the title of the work, *Hikayat Misa Melayu*. This article aims to discuss MS Or. 832 kept within Cambridge University Library walls as a new version of *Misa Melayu* and therefore open a new discussion regarding the importance of this work in the history of Perak.

Key words: *Misa Melayu, art of writing, Malay manuscript, new version, history*

PENGENALAN

Negeri Perak memiliki sejumlah manuskrip yang pernah dihasilkan oleh pengarang dan penyalin manuskrip Melayu sekitar abad ke-18 sehingga awal abad ke-20 yang lalu. Sebahagian besar daripada koleksi manuskrip yang berasal dari Negeri Perak tersebut kini tersimpan di Perpustakaan School of Oriental and African Studies (SOAS) dan Royal Asiatic Society (RAS), London. Manuskrip-manuskrip telah diberikan kepada institusi tersebut oleh pegawai-pegawai Inggeris yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu seperti W.E. Maxwell, R.J. Wilkinson dan R. O. Winstedt. Selain London, terdapat juga beberapa buah manuskrip dari Negeri Perak yang tersimpan di Cambridge University Library, Leiden University Library, Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Za'ba (Universiti Malaya),

Pusat Manuskrip Melayu (Perpustakaan Negara Malaysia) dan Pusat Dokumentasi Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka), Kuala Lumpur.

Daripada keseluruhan manuskrip yang telah ditemui, dapat dirumuskan *Hikayat Misa Melayu* sebagai sebuah karya besar atau Karya Agung yang lahir daripada tradisi kepengarangan silam Negeri Perak. Karya tersebut menjadi aras tanda kebesaran sejarah persuratan Negeri Perak yang lahir daripada buah tangan pengarang Negeri Perak dan berhubungan secara terus dengan sejarah institusi kesultanan Negeri Perak pada abad ke-18. Keutamaan *Hikayat Misa Melayu* tercerna melalui isi kandungannya yang merakam pelbagai corak kehidupan sosio-budaya masyarakat Negeri Perak yang penuh dengan tradisi dan amalan adat istiadatnya.

Dari sudut genre, *Hikayat Misa Melayu* tergolong sebagai sebuah karya sastera sejarah atau historiografi Melayu. Walau bagaimanapun, ciri-ciri penulisan *Hikayat Misa Melayu* agak berbeza dengan karya sastera sejarah yang lazim seperti *Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu)* atau *Hikayat Merong Mahawangsa*, kerana *Hikayat Misa Melayu* adalah berpaksikan kepada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Dzulkarnain Shah (1750-1765). Sebahagian besar daripada isi naskhah adalah memperlihatkan kehebatan dan keagungan Sultan Iskandar Dzulkarnain selaku seorang putera raja dan Sultan Pemerintah Negeri Perak. Menurut V.I. Braginsky (1993: 58), ciri-ciri penulisan yang menyanjung seseorang tokoh sejarah ini adalah bertepatan dengan gaya penceritaan yang bercorak *panaegrycal*. Contoh-contoh karya *panaegrycal* yang lain ialah *Hikayat Aceh* yang menyanjung kehebatan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dan *Hikayat Keturunan Raja-Raja Negeri Deli* yang mengagung-agungkan Gocah Pahlawan dalam sejarah kesultanan Deli.

Sehingga kini, puluhan kajian terhadap *Hikayat Misa Melayu* telah pun dilakukan oleh para sarjana, antara lain oleh R.O. Winstedt (1919), Buyong Adil (1972), B. W. Andaya (1979), P. Sullivan (1982), Ahmad Fauzi Mohd. Basri (1992), Abdullah Zakaria Ghazali (1994), A. Ceridwen (2001), dan terbaharunya oleh Arba'iyah Mohd Noor (2011) dan Mardiana Nordin (2011). Antara lain, kajian yang dilakukan oleh B. W. Andaya dengan judul *Perak, The Abode Of Grace* (1979) telah memperlihatkan kekuatan hasil karangan Raja Chulan tersebut dalam memerikan keadaan sosial, ekonomi dan politik Negeri Perak sekitar abad ke-18 yang dirumuskannya seperti berikut (Andaya, 1979: 159):

Each achievement or state occasion in Sultan Iskandar's reign is one pearl in the necklace, one flower in the garland, one diamond in the crown, together, they make up the splendour of the zaman.

Manuskrip asal *Hikayat Misa Melayu* mungkin sudah tidak dapat ditemui lagi pada masa kini. Manuskrip yang ada hanyalah dalam bentuk salinan yang telah dibuat oleh beberapa orang penyalin naskhah Melayu pada tarikh dan tempat yang berlainan. Sehingga kini, sekurang-kurangnya enam buah salinan manuskrip *Hikayat Misa Melayu* telah berjaya ditemui yang dinamakan sebagai Naskhah A, Naskhah B, Naskhah C, Naskhah D, Naskhah E dan Naskhah F seperti berikut:

Naskhah A

Sebuah salinan manuskrip *Hikayat Misa Melayu* yang tersimpan di Cambridge University Library (MS Or. 832) bertarikh 21 Disember 1909. Manuskrip merupakan pemberian Sultan Idris Murshidul'azam Shah (1887-1916) kepada R. J. Wilkinson yang kemudiannya diserahkan pula oleh R. J. Wilkinson kepada Cambridge University Library pada tahun 1910. Pada halaman pertama MS Or. 832 tersebut terdapat catatan "Bahawa inilah *Hikayat Misa Melayu* Sultan Idris ibn Almarhum Iskandar Shah iaitu Keturunan Peraturan Istiadat Segala Raja-Raja Yang Kerajaan Negeri Perak, maka beta hadiahkan kepada seri paduka sahabat beta Tuan R.J. Wilkinson, sekretari Tuan Residen Perak adanya". Besar kemungkinan catatan tersebut adalah daripada Sultan Idris Murshidul'azam Shah sewaktu baginda menyerahkan salinan manuskrip itu kepada R. J. Wilkinson yang ketika itu berkhidmat sebagai Setiausaha kepada Residen Inggeris di Negeri Perak.

Manuskrip Or. 832 memperlihatkan penampilan yang istimewa, berjilid kemas dengan kertas kadbod berwarna putih dan berukuran 32.5 cm x 20.5 cm. Terdapat 23 baris ayat pada satu halaman yang tertulis pada kertas yang bergaris biru. Tulisan Jawi menggunakan dakwat berwarna hitam dan merah serta tertulis dalam petak-petak empat segi bergaris warna merah berukuran 21 cm x 12.5 cm. Tulisan Jawi dibuat dalam bentuk khat yang menarik dan memperlihatkan kemahiran seni khat penyalinnya. Keseluruhan manuskrip terdiri daripada 250 halaman.

Manuskrip Or. 832 mengandungi teks *Hikayat Misa Melayu* yang lengkap, iaitu judul dan fahasat (hlm. 1-4), bahagian prosa (hlm. 5-166), bahagian syair (hlm. 167-218) dan bahagian prosa serta kolofon (219-244). Bahagian fahasat (senarai tajuk) diberi judul "Maka inilah yang boleh menghuraikan perkataan hikayat ini." Bahagian syair tertulis dalam petak-petak bergaris merah berukuran 20 cm x 11.5 cm dengan judul "Ikat-ikatan Raja ke Laut". Manuskrip diakhiri dengan sebuah lakaran gambar rajah yang mengandungi salasilah kerajaan Perak (hlm. 245-250) bermula dari Sultan Muzafar Shah ibn Sultan Mahmud Shah (Marhum Tanah Abang) sehinggalah zaman pemerintahan Sultan Idris Murshidul'azam Shah, sultan ke-28 bagi kerajaan Negeri Perak. Senarai salasilah raja-raja Perak ini ternyata merupakan tambahan yang dibuat sendiri oleh penyalinnya, Muhammad Ghauath. Walau bagaimanapun, salasilah raja-raja tersebut adalah

menyamai senarai raja-raja yang memerintah Negeri Perak sekarang.

Manuskrip Or. 832 mencatatkan sekurangnya tiga tarikh yang berkaitan dengan penyalinan dan penulisan *Hikayat Misa Melayu* tersebut. Tarikh yang pertama tercatat pada halaman 242 manuskrip dalam mana penyalin mencatat tarikh pada 8 Zulhijjah 1327 yang bersamaan dengan 21 Disember 1909. Tarikh yang kedua pula terdapat pada rangkap syair yang terakhir (MS Or. 832, hlm. 218), dalam mana penyalin menyatakan tarikh manuskrip disalin seperti berikut:

Tamat surat ini adanya,
Akhir sembah habis kalamnya,
Zulhijjah -8- harinya,
Dengan tahun 1327 sanatnya (1909).

Sebuah lagi tarikh dicatatkan oleh penyalin pada bahagian kolofon manuskrip, iaitu tahun 1202 H, yakni tarikh *Hikayat Misa Melayu* dikarang oleh Raja Chulan, yang bersamaan dengan tahun 1784. Keseluruhan kolofon manuskrip adalah seperti berikut (hlm. 242):

Adapun yang mengarang hikayat salasilah aturan adat kerajaan Raja Chulan ibn Raja Hamid. Maka ialah yang bijak bestari kepada mengarang surat-surat sebagainya kepada zaman Yang Maha Mulia Sultan Muzafar Shah Almarhum Haji Allah dan baginda Sultan Iskandar 'Inayat al-Shah Yang Dipertuan Negeri Perak. Maka lalu sampai kepada baginda Sultan 'Ala al-Din Mansur Shah Iskandar Khalifat al-Rahim kerajaan Perak sampai kepada tahun sanah 1202 seribu dua ratus dua di dalam Negeri Perak Dar al-Ridhuan adanya. Amin, amin, amin ya Rab al-'Alamin. Adanya tamat kepada 8 Zulhijjah sanah 1327 (21-12-1909).

Tamatlah hikayat ketinggian salasilah aturan 'adat dan isti'adat kerajaan Negeri Perak ini yang kemudian daripada Almarhum Jalilullah sampai kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan 'Ala al-Din Mansur Shah Iskandar Muda Khalifat al-Rahim pada hijrah Nabi sallallahu 'alaihi wassalam sanah 1202.

Naskhah B

Sebuah salinan *Hikayat Misa Melayu* berdasarkan manuskrip yang pernah dimiliki oleh Raja Muda Yusuf yang kini berada di Royal Asiatic Society, London (MS Maxwell 25). Manuskrip dijilid dengan kulit berwarna merah dan memiliki kesan-kesan hiasan corak tekan timbul serta kemasan berwarna keemasan. Tulisan Jawi berwarna hitam dan ungu

tertulis dengan kemas dan bersih. Manuskrip berukuran 29.5 cm x 20.5 cm dan terdiri daripada 121 halaman. Kertas memiliki tera air (*watermarks*) tiga bulan sabit (*three crescents*). Isi kandungannya terbahagi kepada tiga bahagian *Hikayat Misa Melayu* yang lengkap, iaitu bahagian prosa (hlm. 1-74), bahagian syair (hlm. 74-113) dan bahagian prosa serta kolofon (hlm. 113-121).

Pada halaman awal MS Maxwell 25 yang tersimpan di Royal Asiatic Society ini terdapat catatan bahawa manuskrip tersebut adalah salinan daripada manuskrip milik Raja Muda Yusuf pada tahun 1877. Raja Muda Yusuf kemudiannya menjadi Sultan Perak ke-27 antara tahun 1876-1886 dengan gelaran Sultan Yusuf Sharifuddin Mudzafar Shah. Keterangan awal tentang penemuan manuskrip *Hikayat Misa Melayu* tersebut telah diberikan oleh W. E. Maxwell dalam *JSBRAS* pada tahun 1878 yang merupakan pertama kali nama karya "*Misal Melayu*" muncul dalam sejarah persuratan Melayu.

Naskhah C

Sebuah manuskrip *Hikayat Misa Melayu* dalam simpanan Royal Institute of Linguistics and Anthropology, Leiden (KITLV Or. 70). Manuskrip terdiri daripada 103 halaman dalam kertas bersaiz 34 cm x 21 cm. Manuskrip berada dalam keadaan yang baik, berjilid kertas kadbod dengan tulisan Jawi berdakwat hitam yang terang dan jelas. Kertas berwarna kekuningan dan biru tanpa sebarang tera air. Pada halaman 76, terdapat catatan dengan pensil seperti berikut: "Dikarang 11 March 86 di dalamnya itu banyak lagi berkerajaan yang lain-lain adanya." Catatan mungkin diberikan kemudiannya oleh penyalin atau pemilik manuskrip. Pada satu halaman manuskrip terdapat catatan nama "Prof. Dr. G.K. Niemann".

Isi kandungan manuskrip KITLV Or. 70 terdiri daripada *Hikayat Misa Melayu* bahagian prosa (hlm. 1-64), bahagian syair (hlm. 64-97) dan bahagian akhiran prosa (97-103). Pada bahagian akhir manuskrip terdapat lampiran 25 halaman bersaiz 21.5 cm x 17 cm yang mengandungi pelbagai petikan *Hikayat Misa Melayu* dalam tulisan Jawi dan catatan dalam bahasa Belanda. Paling menariknya, catatan dimulai dengan judul "*Hikayat Misa Melayu*".

Naskhah D

Sebuah salinan manuskrip *Hikayat Misa Melayu* yang kini tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur (MS 6). Manuskrip masih

berada dalam keadaan yang sangat baik, terdiri daripada 145 halaman dan berukuran 35 cm x 21 cm. Tulisan menggunakan dakwat berwarna hitam dan dakwat berwarna merah bagi beberapa perkataan tertentu. Penerbitan keseluruhan salinan manuskrip Jawi bagi naskhah ini telah diselenggarakan oleh Abdullah Zakaria Ghazali dan diterbitkan oleh Yayasan Penataran Ilmu pada tahun 1994. Nama penyalin dan tempat manuskrip disalin tiada dinyatakan, tetapi manuskrip mempunyai tarikh 1252 Hijrah yang bersamaan tahun 1836 Masihi.

Naskhah E

Sebuah salinan *Hikayat Misa Melayu* yang tersimpan di Muzium Pusat Jakarta (ML 423). Nombor katalog bagi naskhah ini dicatatkan dalam *Katalog Induk Naskah-Naskah Nusantara, Perpustakaan Nasional Republik Indonesia* susunan T.E. Behrend (1998: 290) dengan menyatakan judulnya sebagai “Hikayat Misa Melayu”. Naskhah berukuran 34.5 cm x 22 cm, mengandungi 37 baris pada satu halaman dan keseluruhannya terdiri daripada 84 halaman. Tulisan Jawi kemas dan boleh dibaca dengan mudah. Naskhah mengandungi teks *Hikayat Misa Melayu* yang lengkap iaitu bahagian prosa (hlm. 1-51), bahagian syair (hlm. 52-78) dan bahagian akhiran prosa (hlm. 79-84).

Naskhah F

Perpustakaan SOAS, London turut memiliki sebuah salinan manuskrip *Hikayat Misa Melayu* yang terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama (MS 48165/ 1) terdiri daripada 96 halaman dan bersaiz 33 cm x 20 cm. Manuskrip tertulis dengan kemas dan bersih dalam bentuk buku berkulit kertas kadbod dengan dakwat berwarna hitam dan merah. Naskhah disalin di Matang, Perak pada 7 Muharram 1326 H (1908 M). Naskhah hanya mengandungi bahagian prosa sahaja tanpa bahagian syairnya. Pada halaman awal manuskrip terdapat tanda tangan R.O. Winstedt dan tarikh 3/2/20 serta catatan “MS B of my Singapore edition of the *Misa Melayu*”. Pada bahagian kolofon tertulis tarikh 1252 Hijrah (bersamaan tahun 1836 Masihi) seperti berikut (MS 48165/1, hlm. 95):

Adapun kepada zaman baginda Sultan Alauddin Mansur Shah Iskandar Muda Khalifatur-Rahim banyak lagi perkataannya tiadalah fakir sebutkan kerana panjang perkataannya takut membawa

kepada dusta di belakang hari tertentu kena qisas.

Telah tamatlah hikayat raja ke laut ini selesai kemudian daripada Almarhum Jalilullah sampai kepada Sultan Alauddin Mansur Shah Iskandar Muda Khalifatur Rahim pada hijrat Nabi sallallahu ‘alaihi wassalam seribu dua ratus lima puluh dua tahun. Tamat.

Bahagian kedua pula (MS 48165/ 2) mengandungi syair yang berjudul *Ikatan Raja ke Laut*. Syair tertulis dalam 30 halaman dengan keseluruhannya menggunakan dakwat hitam. Bentuk tulisan Jawi adalah sama dengan tulisan Jawi yang terdapat pada MS 48165/ 1 dan adalah dipercayai kedua-dua manuskrip daripada penyalin yang sama. Terdapat catatan daripada R.O. Winstedt “MS C of my Singapore edition of the *Misa Melayu*” dan tarikh 3/2/20.

Secara keseluruhannya, Naskhah B, C, D, E dan F mempunyai isi kandungan yang hampir-hampir sama antara satu sama lain, kecuali beberapa perbezaan dari segi penggunaan bahasa dan perincian peristiwa. Hal ini memberi gambaran bahawa penyalinan naskhah-naskhah tersebut adalah berpunca daripada sebuah manuskrip sumber yang sama. Walau bagaimanapun, Naskhah A memperlihatkan suatu versi salinan *Hikayat Misa Melayu* yang agak berlainan daripada naskhah-naskhah yang lain, termasuk berbanding dengan teks terbitan R. O. Winstedt pada tahun 1919. Bagi maksud makalah ini, perbandingan-perbandingan antara Naskhah A (MS Or. 832) akan dibuat dengan Naskhah B (MS Maxwell 25) dan juga dengan teks terbitan R.O. Winstedt (1919).

Antara lain, *Hikayat Misa Melayu* ini (MS Or. 832, hlm. 5) dimulai dengan kisah tiga orang putera Raja Suran dari keturunan Raja Iskandar Zulkarnain bernama Enchi’ Tarum, Enchi’ Jali dan Paldu Tani yang muncul di Bukit Seguntang Mahabiru dan bertemu dengan Demang Lebar Daun. Enchi’ Tarum kemudian menukar nama menjadi Kasran Pendita, Enchi’ Jali menjadi Nila Pahlawan dan Paldu Tani bergelar Nila Utama. Kasran Pendita kemudiannya menjadi raja di Hijaz, Nila Pahlawan di Minangkabau sementara Nila Utama di Johor, Singapura dan Melaka. Keturunan daripada Nila Utama kemudiannya telah menjadi raja di Negeri Perak dan di beberapa buah negeri Melayu yang lain. Penceritaan kemudian diteruskan dengan menyebut Sultan Muzafar Shah selaku sultan yang pertama di Negeri Perak yang dikenali dengan panggilan Almarhum Tanah Abang.

Permulaan *Hikayat Misa Melayu* di atas ternyata tiada ditemui dalam salinan-salinan naskhah yang lain termasuk dalam Naskhah B dan teks terbitan R. O. Winstedt pada tahun 1919. Kesemua naskhah yang lain bermula dengan catatan ringkas tentang zuriat keturunan Raja Iskandar Zulkarnain dan diikuti dengan pemerintahan Almarhum Jalilullah, sultan yang ke-10 dalam salasilah kesultanan Perak. Penyebutan nama-nama tiga orang anak raja keturunan Iskandar Zulkarnain dalam Naskhah A amat penting kerana memperlihatkan pertalian yang berterusan tentang jurai keturunan raja-raja Perak yang awal. Diceritakan keturunan raja-raja Perak adalah berasal-usul daripada zuriat Nila Utama. Petikan keseluruhan mukadimah Naskhah A dan Naskhah B adalah seperti berikut:

Ini hikayat yang kepada zaman Sultan Iskandar Zulqarnain Khalifat al-Rahman Johan Berdaulat *zillullah fi al-'alam*.¹ Bahawasanya maka adalah daripada asal raja-raja itu dicheterakan oleh orang yang empunya chetera dahulukala daripada hijrah Raja Iskandar Zulqarnain² yang menjalani daripada matahari masuk ke matahari naik dan nasafnya daripada Raja Nasarwan 'Adil³ dan anak cucu cicit raja⁴ yang turun ke dalam laut jatuh ke negeri Raja Fatr ar-Radhi. Maka anaknya tajalli di Bukit Seguntang Mahabiru.⁵ Maka lalulah turun-temurun ganti-berganti khalifah Allah beberapa julat sudah dahulu daripada zaman ini maka sampailah sekarang.

Maka adapun Raja Suran itu beristerikan anak Raja Fatr ar-Radhi yang bernama Puteri Hamayun. Maka ia berputera tiga orang laki-laki, yang tuhanya bernama Enchi' Tarum dan yang tengahnya bernama Enchi' Jali, dan yang bongsunya [6] Paldu Tani namanya. Maka anak raja tiga orang inilah yang tajalli di Negeri Palembang di Bukit Seguntang Mahabiru kepada seorang Demang Lebar Daun, isterinya bernama Wan Po' Dang Malini. Maka tatkala anak raja tiga orang ini sampai ke dalam negeri itu telah ia berubah namanya. Maka yang tuhanya Enchi' Tarum itu bergelar Kasran Pendeta, dan yang tengahnya Enchi' Jali itu bergelar Nila Pahlawan, dan yang bongsunya Paldu Tani itu bergelar Nila Utama. Maka adapun Kasran Pendeta itu ia pergi ke Tanah Hijaz iaitu Negeri Arab, dan yang tengahnya Nila Pahlawan itu ia pergi ke Tanah Minangkabau iaitu Pulau Percha, dan yang bongsunya Paldu Tani itu ia pergi ke Tanah Johor, Singapura dan Melaka. Maka nasaf Nila Utama itulah yang jadi raja di dalam Negeri Perak serta jadi baginda di Negeri Daik dan bendahara di Negeri Pahang dan temenggong di Negeri Johor. Demikianlah yang tersebut di dalam

Salasilah Sejarah Melayu kedatangan peraturan segala raja-raja ini.

(MS Or. 832, hlm. 5-6)

Al-kisah ini hikayat yang kemudian kepada zaman Sultan Iskandar Zulkarnain Khalifat al-Rahman Johan Berdaulat zillu 'llahi fi 'l-'alami. Ada pun asalnya raja-raja itu dichetera oleh orang yang empunya chetera dahulukalanya daripada hijrat Raja Iskandar Zulkarnain menjalani matahari masuk ke matahari terbit, dan nasafnya daripada Raja Nasharwan 'Adil dan anak cucu-cicit Raja Julan yang turun ke dalam laut jatuh ke negeri Raja Aftar al-Ardhi, maka anaknya tajalli di Bukit Saguntang Maharua Birua, maka lalu turun-temurunlah ganti-berganti khalifatullah beberapa julat sudah dahulu daripada [2] zaman ini, maka sampailah sekarang.

Ada pun pada zaman raja-raja ini dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, pertama Marhum Jalilullah, berputerakan Marhum Besar dan Marhum Mangkat di Pulau Tiga, dan Shah Alam Muda, dan Shah Alam Bongsu.

(MS Maxwell 25, hlm. 1-2)

Agak menarik diberi perhatian, kisah asal-usul raja-raja Negeri Perak yang tertera dalam Naskhah A dicatatkan bersumber daripada *Salasilah Sejarah Melayu*. Penulis kurang pasti tentang naskhah yang dinamakan sebagai *Salasilah Sejarah Melayu* ini, tetapi besar kemungkinannya pengarang atau penerjemah *Hikayat Misa Melayu* merujuk kepada *Sulalatus Salatin / Sejarah Melayu* susunan Tun Seri Lanang pada tahun 1612. Sekiranya andaian ini benar, hal ini menunjukkan bagaimana *Sulalatus Salatin / Sejarah Melayu* telah dijadikan bahan rujukan bagi memerikan asal-usul raja-raja Negeri Perak. Menurut *Hikayat Misa Melayu* nama tiga orang putera raja yang mendarat di Palembang ketika itu ialah Enchi' Tarum (bergelar Kasran Pendeta), Enchi' Jali (bergelar Nila Pahlawan) dan Paldu Tani (bergelar Nila Utama). Dalam *Sulalatus Salatin / Sejarah Melayu* (2009: 21), penyebutan nama bagi ketiga-tiga orang anak raja tersebut memang wujud dengan variasi ejaannya yang berbeza seperti berikut:

Maka syahut orang muda-muda tiga orang itu, "Adapun kami ini bukan daripada bangsa jin dan peri. Bahawa kami daripada anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain. Nisab kami daripada Raja Nusyirwan, raja masyrik maghrib, pancar kami daripada Raja Sulaiman 'alaihissalam. Nama kami Mancitram seorang, Paladutani seorang, Nila Tanam seorang."

Sudah menjadi kelaziman para penyalin manuskrip Melayu masa silam menyalin manuskrip dengan mengikut gaya penggunaan bahasa masing-masing. Demikian juga yang terjadi kepada *Hikayat Misa Melayu* yang memiliki ciri-ciri penggunaan bahasa dan cara ejaannya yang tersendiri. Antara lain, Naskhah A ini memperlihatkan penggunaan ejaan yang seragam bagi perkataan azmat (azamat), bomor (bomoh), herti (erti), hulas (ulas), Kumis Sari (*commissary*), luchin (loceng), murit (murid), penjajab (penjajap), rung (balairung), setinggar (istinggar), Barhaman Indera (Berahman Indera), dan sebagainya. Secara umumnya, gaya bahasa dalam Naskhah A adalah berbeza berbanding dengan semua naskhah yang lain.

Nama penyalin manuskrip *Hikayat Misa Melayu* tercatat pada rangkap syair yang ke-400 dan 401 sebagai Muhammad Ghauath yang merupakan seorang Peranakan Perak (MS Or. 832, hlm. 216). Sehingga kini, identiti Muhammad Ghauath ini masih belum dapat dikenal pasti dengan tepat. Walau bagaimanapun, sebagai seorang penyalin manuskrip, ternyata beliau seorang yang begitu teliti menyalin peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam *Hikayat Misa Melayu*. Malah, Muhammad Ghauath juga dikesani banyak memberikan huraian-huraian yang panjang lebar terhadap perjalanan sesuatu peristiwa atau amalan adat istiadat istana berbanding dengan naskhah-naskhah yang lain, menggambarkan pengetahuan luasnya dalam urusan adat istiadat di istana Negeri Perak ketika itu. Identiti Muhammad Ghauath tercatat dalam syair seperti berikut:

Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia,
Patik Tuanku hamba yang sedia,
Dengan qudrat Tuhan yang kaya,
Muhammad Ghauath menyurat dia.

Suratan buruk bukan buatan,
Menjunjung titah Baginda Sultan,
Banyak tersilap hikayat ikatan,
Peranakan Perak ampunya khatan.

Sebuah lagi perbezaan ketara MS Or. 832 berbanding dengan manuskrip-manuskrip yang lain tergambar melalui keterangan ringkas tentang jam raksa yang digunakan oleh kerabat istana Negeri Perak pada masa lalu. Diceritakan istana Negeri Perak ketika itu memiliki sebuah jam besar berloceng yang diperbuat daripada kaca dan raksa serta dikawal secara rasmi oleh pengawal-pengawal istana. Antara lain, jam digunakan sebagai penanda waktu bagi membunyikan semboyan (tembakan meriam adat istiadat) sempena menyambut bulan

Ramadhan, perayaan Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji serta acara-acara rasmi istana yang lain. Jam tersebut mungkin satu-satunya jam besar yang ada di Negeri Perak masa itu yang diperolehi oleh raja-raja Perak daripada pihak Belanda atau Inggeris. Catatan tentang jam besar tiada ditemui dalam semua naskhah yang lain termasuk dalam *Misa Melayu* terbitan R. O. Winstedt pada tahun 1919. Keseluruhan keterangan tentang jam tersebut adalah seperti berikut (MS Or. 832, hlm 56-57):

Maka ada jamnya yang dipakai oleh kerajaan kepada zaman itu jam gelas yang berisi serbuk kaca yang halus. Maka dimulainya daripada masuk matahari. Maka dirempuhnya sekali turun dan sekali naik sampai tiga rempuh turun naik. Maka dipukulnya gong besar tiga kali dan luchin tiga kali. Demikianlah ikut rempuhnya pukul lima dan pukul tujuh dan pukul sembilan sampai kepada kelima kalinya hendak dipukulnya cukup rempuhnya. Maka dipukulnya pula gong besar tiga kali bersambutan dengan bunyi gendang Nobat Subuh. Maka hari pun sianglah. Kepada tiap-tiap dipukulnya gong besar itu maka diikutnya dengan luchinnya tiga-tiga kali.

Adapun jam itu dijagai orang pertungguan dua belas muqim iaitu kepada satu muqim dua belas orang dan gilirannya sebulan kepada satu muqim, dikepalakan seorang imam dan orang baik-baik serta ianya. Maka telah cukup gilirnya maka memeriksa keduanya [57] dari bawah istana hingga sampai ke halaman penangguh raja. Telah sudah nyata kedua mereka itu maka balik ke hadapan balai besar berdiri berbaris, maka berjabat tangan kedua pihaknya, sebaris tinggal dan sebaris pergi kembali ke tempatnya, selamat yang pergi, sejahtera yang tinggal, kata kedua pertukaran itu.

Sehingga kini, kewujudan judul *Misa Melayu* masih menjadi tanda tanya sama ada judul tersebut telah diberikan oleh Raja Chulan atau merupakan suatu judul yang diberikan oleh orang lain kemudiannya. Nama *Misa Melayu* tiada tercatat dalam senarai 69 buah manuskrip Melayu yang diberikan oleh Werndly pada tahun 1736 (Winstedt 1920: 163-165). Sepanjang yang diketahui, judul *Misa Melayu* tiada pernah tercatat dalam manuskrip-manuskrip yang telah ditemui kecuali judul *Hikayat Misa Melayu* yang terdapat pada halaman awal MS Or. 832 seperti dinyatakan dalam keterangan Naskhah A di atas.

Permasalahan judul ini mungkin ada hubungannya dengan ketiadaan bahagian mukadimah yang jelas bagi manuskrip-manuskrip *Misa Melayu*

yang ada. Pada andaian penulis, pengarang istana seperti Raja Chulan pasti ada memberikan judul bagi sebuah karya yang menceritakan sejarah, salasilah dan adat istiadat kesultanan Negeri Perak yang dikarangnya. Selaku ahli sejarah istana pula, baginda pastinya mengetahui sejarah asal-usul dan pengasas kesultanan Perak, dan dirasakan sangat tidak wajar bagi baginda menulis sejarah kesultanan Negeri Perak bermula dengan Almarhum Jalilullah (Sultan Mudzafar Shah II, 1636-1653) yang berasal dari Siak. Ada kemungkinannya, salinan naskhah-naskhah *Misa Melayu* yang ada sekarang (Naskhah B, C, D, E, F) dan teks *Misa Melayu* terbitan R. O. Winstedt tahun 1919 dibuat berdasarkan naskhah yang tiada mempunyai bahagian mukadimah yang lengkap.

Judul *Misa Melayu* hanya mula muncul dalam sejarah persuratan Melayu melalui sebuah tulisan oleh W.E. Maxwell pada tahun 1878 berjudul "Notes on Two Perak Manuscripts". Dalam tulisan tersebut, W.E. Maxwell memperkenalkan dua buah manuskrip yang baru diperolehinya di Perak ketika itu. Pertama, sebuah manuskrip yang mengandungi salasilah kesultanan Perak yang berasal usul daripada jurai keturunan raja-raja Melaka. Manuskrip diperolehi oleh W.E. Maxwell daripada Raja Osman yang merupakan Raja Bendahara di Negeri Perak. Kedua, adalah sebuah manuskrip yang diberi nama oleh W.E. Maxwell sebagai "*Misal Melayu or An Example for Malays*" hasil karangan Raja Chulan. Inilah kali pertama judul tersebut diketahui wujud dalam sejarah persuratan Melayu yang kemudiannya telah diubah oleh W.E. Maxwell menjadi *Misa Melayu* pada tahun 1884.

Sehingga kini, maklumat yang lebih lengkap tentang judul *Hikayat Misa Melayu*, sejarah asal-usul raja-raja Perak dan tarikh penulisan naskhah (1202 / 1784) hanya terdapat dalam MS Or. 832, sebuah salinan naskhah yang bersumber daripada manuskrip yang pernah dimiliki oleh Sultan Idris Murshidul'azam Shah. Apakah maklumat ini menyarankan maksud bahawa MS Or. 832 adalah sebuah salinan *Hikayat Misa Melayu* yang bersumber daripada manuskrip milik Sultan Idris Murshidul'azam Shah yang lebih tua? Atau, apakah maklumat-maklumat tersebut hanya tokok-tambah yang dibuat kemudian oleh penyalinnya, Muhammad Ghauath? Persoalan-persoalan ini akan terus menjadi tanda tanya sehinggalah manuskrip asal yang pernah menjadi milik Sultan Idris Murshidul'azam Shah, atau pun manuskrip *Hikayat Misa Melayu* yang lebih tua ditemui pada masa hadapan.

Pada tahun 1919, R.O. Winstedt telah menerbitkan transliterasi Rumi bagi teks *Misa Melayu* di bawah penerbitan Methodist Publishing House, Singapura. Penerbitan tersebut menggunakan sumber sebuah manuskrip utama yang dinamakannya sebagai Naskhah A dan dua buah manuskrip yang tersimpan di SOAS sebagai Naskhah B dan Naskhah C (Naskhah F dalam kajian ini). Pada bahagian kolofon *Misa Melayu* terbitan R.O. Winstedt tersebut (1919: 155) mencatatkan nama penyalinnya sebagai Haji Uthman yang tinggal di Mukim Bandar dan tarikh penyalinannya pada 25 Jamadil Awal tahun 1326 Hijrah yang bersamaan dengan 25 Jun 1908. Judul naskhah dicatatkan dengan jelas sebagai "Hikayat Misal Melayu" seperti berikut:

Ini-lah akhir zaman kebesaran dan kerajaan negeri Perak Daru'r-ridzwan. Termaktub ini Hikayat Misal Melayu pada 25 Jamadi'l-awal tahun 1326 di dalam Mukim Bandar, Haji Uthman.

Satu masalah timbul dalam menentukan manuskrip utama yang dinamakan sebagai Naskhah A oleh R.O. Winstedt semasa beliau menerbitkan *Misa Melayu* pada tahun 1919. Sehingga kini, judul "Hikayat Misal Melayu" dan nama penyalin Haji Uthman yang tinggal di Mukim Bandar tiada ditemui dalam keenam-enam manuskrip yang telah ditemui, termasuk MS 48165/1 dan MS 48165/2 yang tersimpan di SOAS. Walaupun R. O. Winstedt (1919: 3) ada mencatatkan Naskhah A yang digunakannya adalah daripada manuskrip milik Sultan Idris yang telah diberikan oleh baginda kepada R. J. Wilkinson, tetapi ternyata isi kandungannya tidak sama dengan MS Or. 832 yang kini tersimpan di Cambridge University Library. Besar kemungkinannya, Naskhah A yang digunakan oleh R. O. Winstedt adalah sebuah salinan "Hikayat Misal Melayu" yang masih belum diketahui lokasinya, yang telah disalin oleh Haji Uthman di Mukim Bandar pada 25 Jamadil Awal 1326 (25 Jun 1908), yakni tarikh salinan yang lebih awal daripada MS Or. 832.

Pada tahun 1962, Pustaka Antara Kuala Lumpur telah menerbitkan semula transliterasi yang dibuat oleh R.O. Winstedt pada tahun 1919 tersebut, dengan ulang cetaknya pada tahun 1965, 1966, 1968 dan 1991. Transliterasi oleh R.O. Winstedt kemudiannya telah diterbitkan semula oleh Ahmad Fauzi Mohd. Basri pada tahun 1992 di bawah penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan menggunakan sistem ejaan baharu Bahasa Malaysia. Di bawah terbitan yang baharu ini (Ahmad Fauzi Mohd. Basri 1992: 138), judul "Hikayat Misal Melayu" yang digunakan

oleh R.O. Winstedt telah diubah menjadi “Hikayat Misa Melayu”.

Berkaitan dengan judul *Hikayat Misa Melayu*, perkataan “Misa” itu sendiri telah menimbulkan berbagai-bagai pandangan dan tanggapan para sarjana. Pada tahun 1878, W.E. Maxwell menyarankan judul tersebut mungkin ada kaitannya dengan pengaruh *Misa Jawa* yang dikatakan sudah terkenal di Perak masa itu. Pandangan W.E. Maxwell ini mungkin ada kebenarannya kerana cerita-cerita panji dari Tanah Jawa telah lama tersebar di Alam Melayu, termasuk di Perak. Dalam *Hikayat Misa Melayu* (MS Or. 832, hlm. 32 & 59) ada tercatat tentang hikayat Jawa yang sering dibaca dalam acara-acara keramaian istana Perak. Demikian pula dalam senarai manuskrip Melayu yang dibuat oleh Werndly pada tahun 1736 turut memberikan beberapa nama karya panji Jawa termasuk *Hikayat Misa Taman Panji Wila Kesuma* dan *Hikayat Misa Gemetar* (Winstedt 1920: 164). Bukti kuatnya pengaruh cerita panji di Perak dapat dilihat melalui nama putera-putera Marhum Besar seperti terakam dalam *Hikayat Misa Melayu* sebagai Raja Radin, Raja Galuh, Raja Inu, Raja Abdul Jalil, Raja Putih, Raja Daha, Raja Bongsu, Raja Siti, Raja Hamid dan Raja Su. Nama bagi beberapa orang putera tersebut mempunyai persamaan dengan nama tokoh-tokoh utama dalam cerita panji Jawa iaitu Raja Radin, Raja Galuh, Raja Inu, Raja Daha dan Raja Bisnu.

Dalam konteks cerita panji Jawa, perkataan “Misa” membawa maksud suatu gelaran pembesar dalam masyarakat Jawa yang dihormati dan mempunyai kehebatan-kehebatannya yang tersendiri. R. J. Wilkinson (1959: 777) dalam *A Malay-English Dictionary* ada memberikan makna “Misa” sebagai “War-buffalo, champion of the arena, as a title for warriors of medieval romance”. Sementara menurut J. M. Echols & Hassan Shadily dalam *An Indonesian-English Dictionary* (1989: 374), perkataan “Misa” membawa pengertian sebagai “Agung/Besar”. Maksud yang dikemukakan oleh J. M. Echols & Hassan Shadily ini adalah lebih bertepatan dengan isi kandungan *Hikayat Misa Melayu* yang menceritakan tentang keagungan dan kebesaran raja-raja Melayu di Negeri Perak, khususnya Sultan Iskandar ‘Inayat Shah (Sultan Iskandar Dzulkarnain Shah, 1750-1765).

Dalam kalangan pengarang Negeri Perak, nama Raja Chulan menduduki tempat yang sangat istimewa dan paling kerap diingati oleh masyarakat. Walaupun sepanjang yang diketahui Raja Chulan hanya menghasilkan sebuah karya sahaja, *Hikayat Misa*

Melayu, tetapi karya tersebut telah diangkat oleh masyarakat sebagai sebuah karya besar yang lahir dalam sejarah persuratan Perak, menjadi aras tanda ketinggian dan keahlian seseorang pengarang dalam menyampaikan buah fikiran secara halus dan berkesan. Di samping kehalusan dalam penulisan, Raja Chulan adalah juga sejarawan istana Perak yang tersohor dalam konteks zamannya. Baginda adalah sejarawan istana yang hidup dan menyaksikan peristiwa atau kejadian yang berlaku di Negeri Perak dalam period masa yang diceritakannya dalam *Hikayat Misa Melayu*. Sejarah persuratan Perak amat sinonim dengan nama Raja Chulan dan begitulah sebaliknya. Dalam *Hikayat Misa Melayu* (MS Or. 832, hlm. 25) asal-usul Raja Chulan dinyatakan seperti berikut:

Adapun Raja Chulan itu putera Raja Hamid empat orang bersaudara, tiga orang perempuan, seorang isteri Raja ‘Ala al-Din dan seorang isteri Raja Inu dan seorang isteri Raja Ismail. Maka yang laki-laki itulah Raja Chulan.

Suatu keterangan tentang asal-usul dan nasab keturunan Raja Chulan terdapat dalam sebuah naskhah berjudul *Salasilah Raja-Raja Yang di Dalam Negeri Perak* (MS Maxwell 103) karangan Raja Haji Yahya bin Raja Daud pada tahun 1881. Selepas Raja Chulan, Raja Haji Yahya bin Raja Daud pula muncul sebagai seorang pengarang dan ahli sejarah di istana Perak. Naskhah *Salasilah Raja-Raja Yang di Dalam Negeri Perak* adalah salah sebuah karya salasilah kesultanan Perak yang penting kerana mengandungi berbagai-bagai maklumat tambahan berkaitan dengan jurai keturunan raja-raja Perak yang terdapat dalam *Hikayat Misa Melayu*. Menurut Raja Haji Yahya (MS Maxwell 103: hlm. 2-3), Raja Chulan adalah anak kepada Raja Hamid ibni Raja Mansur Shah ibni Almarhum Jalilullah. Sewaktu Raja Kimas (Sultan Mahmud Shah) menjadi Sultan, Raja Chulan telah dilantik sebagai Bendahara. Semasa takhta Perak disandang oleh Sultan Alauddin Mansur Shah, Raja Chulan telah dilantik pula sebagai Raja Muda. Raja Chulan akhirnya mangkat sewaktu memegang jawatan Raja Muda dan baginda dikenali dengan panggilan Marhum Pulau Juwar (MS Maxwell 103: hlm. 11): “Maka mangkat Raja Muda Chulan disebut orang Marhum Pulau Juwar.”

Daripada catatan Raja Haji Yahya ini, dapat dikesani jawatan terakhir Raja Chulan sebelum mangkat ialah selaku Raja Muda bagi Negeri Perak dalam zaman pemerintahan Sultan Alauddin Mansur Shah (1773-1786). Besar kemungkinan Raja Chulan

selesai mengarang *Hikayat Misa Melayu* dalam tempoh baginda menjawat jawatan Raja Muda, dan hal ini selaras dengan tarikh 1202 (1784) yang diberikan dalam kolofon *Hikayat Misa Melayu* (MS Or. 832, hlm. 242). Menurut Raja Haji Yahya, apabila Sultan Alauddin Mansur Shah mangkat, takhta Negeri Perak digantikan oleh Sultan Ahmaddin Shah (1786-1806). Pada masa pemerintahan baginda, jawatan Raja Muda disandang oleh Raja Radin putera kepada Raja Bendahara. Keadaan ini menunjukkan Raja Chulan sudah tidak lagi berkhidmat selaku Raja Muda di istana Perak semasa pemerintahan Sultan Ahmaddin Shah. Raja Chulan berkemungkinan telah mangkat antara tahun 1786-1806 dan dikebumikan di Pulau Juwar (Pulau Juar).

Dari segi isi kandungannya, *Hikayat Misa Melayu* mengandungi peristiwa-peristiwa yang hampir-hampir sama dengan semua naskah yang lain termasuk teks *Misa Melayu* terbitan R.O. Winstedt (1919). Isinya menceritakan beberapa peristiwa yang berlaku dalam zaman pemerintahan Sultan Mudzafar Shah III (1728-1744) dan berlanjutan sehingga ke zaman pemerintahan Sultan Muhammad Shah (1744-1750), Sultan Iskandar Dzulkarnain Shah (1750-1765), Sultan Mahmud Shah (1765-1773) dan Sultan Alauddin Mansur Shah (1773-1786). Kesemua sultan ini adalah pemerintah yang berpusat di Barhaman Indera / Berahman Indera (Bota), Pulau Tiga, Pulau Indera Sakti, Pasir Pulau dan Pulau Besar Indera Mulia. Hal ini menunjukkan kawasan persekitaran tempat-tempat tersebut adalah kawasan kediaman raja-raja dan pembesar Melayu di Negeri Perak sekitar awal abad ke-18 lalu sebelum pusat pemerintahan tersebut berpindah ke Kuala Kangsar sehingga ke hari ini. Sehingga kini, masih terdapat banyak makam raja-raja Perak di Bota, Pulau Tiga, Kampung Gajah, Pulau Juar, Pasir Pulau, Bandar Baharu dan Belanja.

Kesultanan Perak mempunyai wilayah kekuasaannya yang tersendiri yang sering disebut secara umum dalam *Hikayat Misa Melayu* sebagai “segenap teluk rantau dan anak-anak sungai” atau “segala anak sungai segala teluk rantau jajahan negeri”. Walau bagaimanapun, membaca *Hikayat Misa Melayu* secara teliti akan menemukan hampir keseluruhan nama tempat atau wilayah yang berada di bawah kekuasaan kesultanan Perak pada abad ke-18. Nama-nama tempat atau wilayah tersebut dinyatakan oleh Raja Chulan sewaktu beliau menceritakan keberangkatan sultan dan kerabat istana Perak melawat ke kampung-kampung, belayar atau berburu, dengan cara menyatakan sambutan

yang diterima oleh rombongan sultan daripada pembesar, penghulu dan rakyat jelata yang mendiami sesuatu tempat itu. Tanda naungan dan taat setia rakyat terhadap sultan sering dizahirkan melalui persembahan-persembahan yang diberikan oleh pembesar dan rakyat kepada sultan yang datang melawat ke sesuatu tempat itu.

Antara nama tempat yang tercatat dalam *Hikayat Misa Melayu* ialah Barhaman Indera, Pachat, Bota, Pulau Tiga, Pulau Indera Sakti, Rantau Panjang, Pasir Pulau, Pulau Besar, Bukit Lada, Lumut, Pulau Pangkor, Pulau Sembilan, Tanjung Putus, Kuala Bidor, Kuala Perak, Kuala Kangsar, Sayung, Sungai Siput, Bukit Gantang, Larut, Pematang, Gerik, Pelus, Pengkalan Halban, Beruas, dan sehinggalah ke sempadan Kuala Bernam di Negeri Selangor. Semua tempat ini adalah berada di bawah naungan kesultanan Negeri Perak dari dahulu sehinggalah ke hari ini. Sementara nama-nama sungai pula termasuklah Sungai Perak, Sungai Kenta, Sungai Budiman, Sungai Bidor dan Sungai Dinding.

Sebagai sebuah karya yang bercorak *panaegrycal*, pengisian *Hikayat Misa Melayu* memberi keutamaan kepada Sultan Iskandar Dzulkarnain Shah (1750-1765) yang disebut sebagai Sultan Iskandar ‘Inayat al-Shah. Kecenderungan Raja Chulan untuk menyanjung Sultan Iskandar ‘Inayat Shah jelas tergambar sewaktu baginda masih lagi seorang Raja Muda pada zaman pemerintahan Sultan Muzafar Shah (1728-1744) dan Sultan Muhammad Shah (1744-1750). Gambaran yang diberikan oleh Raja Chulan terhadap keperibadian Raja Iskandar sungguh istimewa sekali. Baginda digambarkan sebagai seorang Raja Muda yang arif bijaksana, tampan, berpengetahuan dalam agama dan adat istiadat, serta berani mempertahankan negeri daripada serangan musuh.

Dalam sistem kesultanan Perak, seorang Raja Muda adalah bakal sultan, orang yang akan menaiki takhta apabila sultan yang ada mangkat. Selaku bakal sultan, Raja Muda harus mempersiapkan diri dengan segala ilmu yang penting ketika itu agar dapat meneruskan tugas pemerintahan dengan baik apabila tiba masanya menjadi sultan kelak. Antara persediaan seorang Raja Muda yang utama termasuklah memiliki perwatakan dan keperibadian yang mulia agar dikasihi oleh rakyat, tahu adat istiadat negeri, mendalami ilmu agama, pandai bertutur kata, dan barangkali juga memiliki kemahiran dalam ilmu persenjataan dan sebagainya. Mengikut pandangan Raja Chulan, segala sifat yang istimewa ini kelihatannya telah dimiliki oleh Raja Iskandar.

Selepas kemangkatan Sultan Muhammad Shah, takhta di Pulau Tiga diwarisi pula oleh Raja Iskandar, meneruskan wasiat pemerintahan ayahandanya, dengan memakai gelaran Paduka Seri Sultan Iskandar ‘Inayat al-Shah Khalifatur Rahman Johan Berdaulat. Zaman pemerintahan baginda diwarnai dengan berbagai-bagai peristiwa penting yang berlaku di Negeri Perak. Salah satunya adalah peristiwa Sultan Iskandar ‘Inayat Shah membuat sebuah kota yang baharu di Pulau Chempaka Sari. Peristiwa tersebut diceritakan dengan panjang lebar oleh Raja Chulan dari mula hinggalah terbinanya kota tersebut. Setelah sampai di Pulau Chempaka Sari, baginda sangat berkenan dengan kota dan istana yang telah diusahakan oleh rakyatnya, lantas menukar nama Pulau Chempaka Sari kepada Pulau Indera Sakti. Pusat pemerintahan baginda dinamakan Bandar Ma’mur yang menjadi tempat tumpuan utama di Pulau Indera Sakti itu.

Masyarakat Melayu terkenal sebagai suatu bangsa yang sangat memelihara adat dan istiadat dalam kehidupan. Dalam hal ini, nilai sesuatu adat (*custom*) itu amat bergantung kepada bagaimana adat tersebut diamalkan mengikut adat dan istiadat (*custom and ceremonial*) yang diwarisi daripada generasi yang terdahulu. Adat dan istiadat justeru merupakan dua unsur yang saling berkaitan antara satu sama lain. Adat tidak akan membawa apa-apa makna sekiranya tidak dilaksanakan mengikut istiadat yang sepatutnya. Pernyataan ini akan lebih-lebih bermakna bagi amalan adat dan istiadat dalam kehidupan istana raja-raja Melayu kerana keduanya mempunyai pertalian maksud dengan nilai kebesaran, kemuliaan, kedaulatan serta kesakralan raja-raja Melayu itu sendiri. Adat dan istiadat raja-raja Melayu adalah warisan peraturan dan ritual budaya hidup raja-raja dan pembesar istana yang perlu diamalkan selagi institusi kesultanan itu masih wujud.

Perlukisan yang berlebih-lebihan terhadap amalan adat istiadat turut mendapat tempat dalam *Hikayat Misa Melayu* yang memperlihatkan bakat kepengarangan Raja Chulan dan dalam masa yang sama menanamkan amanat tentang kepentingan adat istiadat sebagai lambang kepada kemuliaan raja-raja. Sebahagian besar ruang dalam *Hikayat Misa Melayu* telah digunakan oleh Raja Chulan bagi menceritakan peristiwa dan amalan adat istiadat semasa berlangsungnya majlis pertunangan, puteri raja bertindik telinga, perkahwinan, permaisuri hamil tujuh bulan, pertabalan, raja-raja membayar nazar, para pembesar menjunjung duli, kemangkatan, berkabung dan sebagainya. Banyak sekali

penekanan kepada kata “adat”, “adatnya” dan “istiadat” telah digunakan oleh Raja Chulan dalam *Hikayat Misa Melayu* bagi menggambarkan amalan adat istiadat yang diwarisi turun-temurun daripada leluhur masa lampau.

Kebesaran dan keagungan Sultan Iskandar ‘Inayat Shah di dalam *Hikayat Misa Melayu* semakin terserlah dalam episod-episod yang melibatkan kedatangan orang Belanda ke Negeri Perak ketika itu. Sekitar awal abad ke-18, Negeri Perak menjadi salah satu tempat tumpuan kedatangan pegawai dan pedagang dari Belanda yang mencari bijih timah untuk dibawa pulang ke Eropah. Bagi memudahkan operasi perniagaan, mereka telah membina penempatan dan loji penyimpanan timah di Tanjung Putus. Timah dibeli dengan menggunakan rial mengikut sistem timbangan bahara yang gunakan ketika itu. Pada dasarnya, kedatangan Belanda telah disambut baik oleh raja-raja Perak sebagai rakan niaga timah yang boleh mendatangkan keuntungan kepada Negeri Perak.

Dalam masa yang sama, kehadiran orang Belanda di Perak sentiasa menimbulkan kecurigaan kepada raja dan pembesar Perak lebih-lebih lagi dengan penguasaan mereka yang kuat di Melaka dan Betawi. Beberapa episod kecurigaan ini telah berjaya dimunculkan oleh Raja Chulan dengan berkesan dalam *Hikayat Misa Melayu*, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Pertamanya, ada dikisahkan peristiwa seorang saudagar India bernama Pir Muhammad menabur fitnah ke atas Sultan Iskandar Shah dengan mengatakan raja Perak tersebut sudah tidak lagi menghormati Belanda dan seterusnya mahu berperang dengan Belanda. Fitnah tersebut telah menyebabkan Belanda menghantar tujuh buah kapal perang dari Betawi datang memasuki perairan Sungai Perak. Walau bagaimanapun, berkat kemahiran diplomasi dan siasah Sultan Iskandar ‘Inayat Shah dan para pembesar Perak, fitnah tersebut gagal mencapai sasarannya, sebaliknya *Commissary* Belanda telah berbaik-baik dengan Sultan Perak dan seterusnya melakukan jual-beli timah.

Cabaran kedua pula berlaku dalam peristiwa orang Belanda telah menembak peluru meriam ke arah perahu Shahbandar dan Laksamana sehingga mengancam keselamatan nyawa mereka berdua. Peristiwa tersebut telah menimbulkan kemurkaan kepada Sultan Iskandar ‘Inayat Shah sehingga baginda sendiri berangkat ke Kuala Bidor bertemu dengan *Commissary* Belanda. Walau bagaimanapun sekali lagi, hasil kepandaian diplomasi dan siasah Sultan Iskandar Shah dan para pembesar,

peperangan akhirnya dapat dielakkan dengan *Commissary* Belanda menuntut permohonan keampunan sultan. Sebelum permohonan keampunan itu berlaku, Raja Chulan telah pun memberikan sindiran tajamnya kepada kehadiran Belanda di Negeri Perak melalui kata-kata Shahbandar seperti berikut (MS Or. 832, hlm. 150):

“Dato’ Syahbandar mari dipanggil oleh kapitan. Apa mulanya maka tiada Syahbandar mau singgah pada keci jumpa sama kapitan? Adakah harimau di dalam keci?” Maka kata Syahbandar, “Tiada ku mau singgah ke dalam keci itu, sungguh pun tiada harimau, babi bukannya banyak, itulah maka ku tiada mau singgah pada keci itu.”

Beberapa episod hubungan Perak dengan kerajaan atau masyarakat luar turut diceritakan oleh Raja Chulan melalui peristiwa Sultan Iskandar ‘Inayat Shah menitahkan Tambi Kechik pergi ke India untuk mencari orang yang mahu membeli gajah di Perak (MS Or. 832, hlm. 97-104), Sultan Iskandar ‘Inayat Shah membeli meriam daripada kapten Inggeris (MS Or. 832, hlm. 201-203), Sultan Mahmud Shah menobatkan Sultan Selangor (MS Or. 832, hlm. 224-226), rombongan istana Perak menghadiri majlis perkahwinan putera Sultan Selangor (MS Or. 832, hlm. 227-229) dan beberapa yang lainnya. Melalui peristiwa-peristiwa ini, tergambar suasana hubungan dagang dan diplomatik raja-raja Perak dengan kerajaan atau masyarakat luar yang harmoni dan saling berkerjasama antara satu sama lain, dan dalam masa yang sama meningkatkan lagi kedaulatan raja-raja dan kesultanan Negeri Perak di mata kerajaan atau masyarakat luar.

Salah satu keistimewaan *Hikayat Misa Melayu* berbanding dengan karya sastera sejarah yang lain adalah berkaitan dengan kewujudan bahagian “sya’ir ikat-ikatan” di dalam teks tersebut yang dinamakan oleh Raja Chulan sebagai “Ikat-ikat Raja ke Laut”. Diceritakan, selepas beberapa bulan Sultan Iskandar ‘Inayat Shah berdukacita kerana kemangkatan Raja Ampuan Perak, baginda telah menitahkan para pembesar agar bersiap-siap untuk mengiringinya bermain-main ke laut. Walau bagaimanapun, segala persiapan dan keberangkatan Sultan Iskandar Shah bermain-main ke laut itu tidak dikisahkan oleh Raja Chulan secara karangan prosa yang biasa, sebaliknya melalui rangkap ikat-ikatan syair yang sungguh menarik dibaca. Kepandaian Raja Chulan mengarang syair ikat-ikatan dirakam dalam *Hikayat Misa Melayu* (MS Or. 832, hlm. 37) seperti berikut:

Pertama-tama, paduka anakanda baginda Raja Chulan digelar Raja Kechik Tengah, maka ialah yang mengarang hikayat ini kepada zaman itu, ialah yang bijak bestari pada mengarang hikayat dan ikat-ikatan syair-syair.

Hikayat Misa Melayu mengandungi sebanyak 424 rangkap syair kesemuanya yang menyusur-galurkan persiapan-persiapan dan pelbagai peristiwa yang berlaku sewaktu Sultan Iskandar ‘Inayat Shah belayar ke laut tersebut. Pelayaran menyusuri Sungai Perak dari Kota Indera Sakti tersebut dilakukan dengan penuh adat istiadatnya, mengharungi lautan luas sehingga sampai ke Pulau Pangkor dan Kota Lumut. Kewujudan ikat-ikatan syair dalam *Hikayat Misa Melayu* menyerlahkan lagi kebolehan Raja Chulan selaku pengarang dan seniman pada zamannya. Syair ikat-ikatan tersebut adalah antara yang terawal pernah wujud di Negeri Perak, malah boleh dijadikan sandaran kepada sejarah asal-usul penulisan syair ikat-ikatan di Alam Melayu. Selepas beberapa lama berada dalam pelayaran, Sultan Iskandar ‘Inayat Shah dan rombongannya kembali pulang ke Pulau Indera Sakti dengan selamatnya. Raja Chulan menyimpulkan karya berangkapnya itu melalui kata-kata (MS Or. 832, hlm. 219), “Tamatlah ikatan sya’ir Duli Baginda Yang Maha Mulia berangkat bermain ke laut itu.”

Dari segi isi kandungannya, ikat-ikatan syair dalam *Hikayat Misa Melayu* bukanlah sekadar mengulangi peristiwa-peristiwa yang telah diceritakan dalam bentuk prosanya, sebaliknya banyak juga mengandungi maklumat-maklumat baru yang tiada diceritakan oleh Raja Chulan dalam bahagian prosanya. Misalnya, dalam ikat-ikatan syair tersebut, Raja Chulan banyak menyatakan pangkat-pangkat atau gelaran-gelaran pembesar yang terdapat di Negeri Perak ketika itu. Selain itu, terdapat juga beberapa peristiwa yang diceritakan oleh Raja Chulan sepanjang perjalanan Sultan Iskandar ‘Inayat Shah belayar ke laut itu, terutamanya yang berhubungan dengan lawatan-lawatan baginda di daerah-daerah yang berada dalam laluan perjalanannya. Dapat dikatakan, penulisan ikat-ikatan syair tersebut berperanan sebagai suatu daya kreativiti Raja Chulan dalam menceritakan keagungan Sultan Iskandar ‘Inayat Shah dan dalam masa yang sama menjadi pelengkap kepada penulisan *Hikayat Misa Melayu* itu sendiri. Nama Raja Chulan sebagai pengarang syair dinyatakan dalam rangkap ke-422 seperti berikut (MS Or. 832, hlm. 218):

Hikayat ini sudahlah sedia,
Raja Chulan mengarangkan dia,
Sultan Iskandar Yang Maha Mulia,
'Inayat al-Shah gelarnya ia.

Sebagaimana telah dibincangkan dalam bahagian prosa, bahagian syair *Hikayat Misa Melayu* turut memperlihatkan perbezaan-perbezaan yang ketara berbanding dengan naskhah-naskhah yang lainnya. Terdapat banyak bahagian syair yang telah diubahsuai perkataan atau rangkainya, malah juga ada rangkap-rangkap yang amat berlainan sekali daripada yang sedia diketahui. Hal ini memberi gambaran, *Hikayat Misa Melayu* mengandungi banyak rangkap syair yang berbeza daripada teks *Misa Melayu* terbitan R.O. Winstedt pada tahun 1919. Walau bagaimanapun, ketika meneliti rangkap-rangkap syair dalam *Hikayat Misa Melayu*, tergambar ciri-ciri keaslian syair Melayu yang kekal terpelihara, indah dan memiliki nilai-nilai puitisnya. Dengan kata-kata lain, penyalin *Hikayat Misa Melayu* telah membuat banyak tokok-tambah terhadap syair, tetapi masih memelihara dengan baik ciri-ciri keaslian syair Melayu ketika itu.

Sebagai kesimpulannya, ketuanan Melayu di Negeri Perak ada asal-usulnya yang dapat disusuri melalui salasilah raja-raja Perak seperti yang terakam dalam *Hikayat Misa Melayu*. Karya agung nukilan Raja Chulan tersebut memperlihatkan bagaimana ketinggian dan kehalusan bahasa Melayu dapat mengungkap rentetan sejarah dan amalan sosio-budaya masyarakat Perak masa lalu, sekali gus memperlihatkan bakat kepengarangan Raja Chulan yang tahan zaman. Perlukisan yang berlebihan terhadap amalan adat istiadat sengaja dibuat oleh Raja Chulan bagi menanamkan amanat tentang kepentingan adat istiadat sebagai lambang kemuliaan raja-raja. Hilang adat, hilanglah kebesaran dan kedaulatan raja-raja Melayu. Visi kepengarangan Raja Chulan semakin kukuh melalui gambaran-gambaran peristiwa yang menakjubkan semasa pembukaan Pulau Indera Sakti bagi melegitimasi kepemimpinan dan ketuanan raja-raja di Negeri Perak yang tahu membina negeri, memelihara rakyat dan membesarkan agama Allah SWT. Penemuan versi baru *Hikayat Misa Melayu* yang tersimpan di Cambridge University Library (MS Or. 832) bakal membuka ruang penelitian yang berterusan terhadap Karya Agung yang berkaitan rapat dengan sejarah Negeri Perak Darul Ridzuan tersebut. Berdasarkan huraian di atas, dapat dikatakan MS Or. 832 adalah sebuah versi baru *Hikayat Misa Melayu* berbanding dengan naskhah-naskhah yang sedia ada

termasuk teks *Misa Melayu* terbitan R. O. Winstedt pada tahun 1919. Suatu bentuk penelitian filologi yang khusus harus dilakukan terhadap manuskrip *Hikayat Misa Melayu* dalam simpanan di Cambridge University Library (MS Or. 832) tersebut bagi membuat kesimpulan-kesimpulan yang lebih jitu tentang asal-usul dan variasi bahasa serta isi kandungannya.

NOTA

- ¹ Sultan Iskandar Dzulkarnain Shah, Sultan Perak ke-15 (1752-1765). Inilah kali pertama dan terakhir nama "Sultan Iskandar Zulqarnain" disebut dalam *Hikayat Misa Melayu*. Selepas itu, nama Sultan Iskandar 'Inayat al-Shah pula digunakan. Mukadimah ini memberi gambaran bahawa *Hikayat Misa Melayu* mula ditulis oleh Raja Chulan dalam zaman pemerintahan Sultan Iskandar Dzulkarnain antara tahun 1752-1765. Pada bahagian kolofon, ada dicatatkan naskhah siap ditulis pada tahun 1202 Hijrah yang bersamaan tahun 1784 Masihi, yakni sewaktu zaman pemerintahan Sultan Alauddin Mansur Shah (1773-1786).
- ² Tokoh yang sering dikaitkan sebagai asal-usul bagi raja-raja Melayu. Nuruddin al-Raniri dalam *Bustan al-Salatin* (lihat perbincangan dalam Jelani Harun, 2009) menyusur-galurkan Iskandar Zulqarnain sebagai seorang raja-raja Parsi purba.
- ³ Khusrau I Anushirvan "the Just", seorang pemerintah Sasanian pada abad ke-6 Masihi.
- ⁴ ... anak cucu cicit Raja Julian (B), ... anak cucu cicit Raja Chulan (C).
- ⁵ Bukit Seguntang Maharua Birua (B), Bukit Seguntang Maharua Birau (C).

RUJUKAN

- Abdullah Zakaria Ghazali. (pnyt.). 1994. *Misa Melayu: Raja Chulan Raja Abdul Hamid*. Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu.
- Ahmad Fauzi Mohd. Basri (pnyt.). 1992. *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya, B. W. 1979. *Perak, The Abode of Grace*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Arba'iyah Mohd Noor. 2011. Menyorot Kepengarangan *Misa Melayu*. Dlm Abdullah Zakaria Ghazali & Mohd. Radzi Hj. Ahmad. *Perak: Warisan, Budaya & Sejarah*. 220-244. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Azmi Arifin. 2005. Feudalisme Melayu dan Perak Kurun ke-18 daripada Catatan *Misa Melayu*. *Jurnal Ilmu Kemanusiaan* 12: 49-74.
- Bottoms, J.C. 1965. Malay Historical Works. In K.G. Tregonning (ed.). *Malaysian Historical Sources*: 36-62. Singapore: University of Singapore.
- Braginsky, V.I. 1993. *The System of Classical Malay Literature*. Leiden: KITLV.
- Buyong Adil. 1972. *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ceridwen, A. 2001. *The Silsilah Raja-Raja Perak I: An Historical and Literary Investigation into the Political Significance of a Malay Court Genealogy*. In *MBRAS* 74 (2): 23-125.
- Echols, J. M. & Hassan Shadily. 1989. *An Indonesian-English Dictionary*.
- Jeragan Abdul Shukor. 1907. List of Graveyards of the Late Sultans of the State of Perak. *JSBRAS* 48: 92-106.
- Mardiana Nordin. 2011. Syair Sultan Iskandar Bermain-main Ke Laut di dalam *Misa Melayu*: Warisan Seni Ungkapan Sejarah Pujangga Melayu. Dlm. Abdullah Zakaria Ghazali & Mohd. Radzi Hj. Ahmad. *Perak: Warisan, Budaya & Sejarah*: 245-262. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Maxwell, W.E. 1878. Notes on Two Perak Manuscripts. *JSBRAS* 2: 183-183.
- Maxwell, W.E. 1884. The History of Perak from Native Sources. *JSBRAS* 9: 305-321.
- Misa Melayu oleh Raja Chulan*. 1962. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ricklefs, M.C. & Voorhoeve, P. 1977. *Indonesian Manuscripts in Great Britain*. Oxford: Oxford University Press.
- Sullivan, P. 1982. *Social Relations of Dependence in a Malay State: Nineteenth Century Perak*. MBRAS Monograph No. 10.
- Wilkinson, R.J. 1959. *A Malay-English Dictionary*. London: Macmillan & Co. Ltd.
- Winstedt, R.O. 1919. *Misa Melayu*. Singapore: Methodist Publishing House.
- Winstedt, R.O. 1920. Malay Works known by Werndly in 1736. *JMBRAS* 82: 163-165.
- Winstedt, R.O. & Wilkinson, R.J. 1934. A History of Perak. *JMBRAS* 12. Part I.

LAMPIRAN 1

SENARAI SULTAN PERAK SEHINGGA SULTAN IDRIS MURSHIDUL'AZAM SHAH (1887-1916)

BIL	NAMA	MARHUM	PEMERINTAHAN
	Sultan Mahmud Shah (Sultan Melaka Yang Akhir)	Marhum Mangkat di Kampar	m. 1530
1	Sultan Mudzafar Shah	Marhum Tanah Abang	1528-1549
2	Sultan Mansur Shah I	Marhum Kota Lama Kanan	1549-1577
3	Sultan Ahmad Tajuddin Shah	Marhum Muda	1577-1584
4	Sultan Tajul Arifin	Marhum Mangkat di Tebing	1584-1594
5	Sultan Alauddin Shah	Marhum Mangkat di Darat	1594-1603
6	Sultan Mukaddam Shah	Marhum Mangkat di Aceh	1603-1619
7	Sultan Mansur Shah II	Marhum Mangkat di Aceh	1619-1627
8	Sultan Mahmud Shah	Marhum Pulau Tiga	1627-1630
9	Sultan Sallehuddin Shah	Marhum Mangkat di Kampar	1630-1636
10	Sultan Mudzafar Shah II (dari Siak)	Marhum Jalilullah	1636-1653
11	Sultan Mahmud Iskandar Shah	Marhum Besar Aulia Allah	1653-1720
12	Sultan Alaudin Mughayat Shah	Marhum Sulong	1720-1728
13	Sultan Mudzafar Shah III	Marhum Haji Allah	1728-1744
14	Sultan Muhammad Shah	Marhum Aminullah	1744-1750
15	Sultan Iskandar Dzulkarnain Shah	Marhum Kaharullah	1750-1765
16	Sultan Mahmud Shah	Marhum Muda	1765-1773
17	Sultan Alauddin Mansur Shah	Marhum Sulong	1773-1786
18	Sultan Ahmaddin Shah	Marhum Bongsu	1786-1806
19	Sultan Abdul Malik Mansur Shah	Marhum Jamalullah	1806-1825
20	Sultan Abdullah Mua'zzam Shah	Marhum Khalilullah	1825-1830
21	Sultan Shahabuddin Riayat Shah	Marhum Safiullah	1830-1851
22	Sultan Abdullah Muhammad Shah I	Marhum Kadullah	1851-1857
23	Sultan Jaafar Mua'zzam Shah	Marhum Waliullah	1857-1865
24	Sultan Ali al-Mukammal Inayat Shah	Marhum Nabi Allah	1865-1871
25	Sultan Ismail Mu'abidin Riayat Shah	Marhum Mangkat di Sekudai	1871-1874
26	Sultan Abdullah Muhammad Shah II	Marhum Habibullah	1874-1876
27	Sultan Yusuf Sharifuddin Mudzafar Shah	Marhum Gharirullah	1876-1886
28	Sultan Idris Murshidul'azam Shah	Marhum Rahmatullah	1887-1916

LAMPIRAN 2

HALAMAN JUDUL DAN FAHARASAT *HIKAYAT MISA MELAYU* (MS OR. 832, HLM. 1-4)

Bahawa inilah *Hikayat Misa Melayu* Sultan Idris ibn Almarhum Iskandar Shah iaitu Keturunan Peraturan Isti'adat Segala Raja-Raja Yang Kerajaan Negeri Perak, maka beta hadiahkan kepada seri paduka sahabat beta Tuan R. J. Wilkinson, sekretari Tuan Residen Perak adanya. [2]

Maka inilah yang boleh menghuraikan perkataan hikayat ini:

5	Wa bihi	29	Raja Kechik Muda membawak tanda peminangan
6	Sebermula Almarhum Jalilullah	33	Baginda bicara hendak tindikkan puteranya
8	Sultan Muzafar Shah kerajaan di sebelah hulu Sultan Muhammad Shah kerajaan sebelah hilir	40	Dato' Bendahara pergi menjerat gajah ke Kampar. Balik dari Kampar lalu kembali
10	Sultan Muhammad Shah memindahkan Sultan Muzafar Shah ke Barhaman Indera	47	TuanKu Raja Muda nikah dengan Raja Budak Rasul
14	Sutan Bakabut	50	Nikahnya
16	TuanKu Raja Muda balik dari Kuala Kangsar fasal gerak Sutan Bakabut	54	Wasiat Sultan Muzafar Shah
18	Kalikian Raja Halim dibawak Belanda ke Melaka	56	Jam yang dipakai kerajaan kepada zaman itu
20	Raja Halim melawan Raja Muda perang di Pulau Tiga	58	Tabal menjadi raja Sultan Iskandar
26	Raja Kechik Muda dengan Raja 'Ala al-Din berdatang sembah kepada baginda Sultan Muzafar Shah peminangan Raja Muda. Menerima peminangannya	62	Raja-raja Nobat aturan 'adatnya [3]
		66	Menggelar Laksamana dan Faqih
		68	Sultan Iskandar 'Inayat al-Shah hendak berubah tempat
		70	Fitnah Pir Muhammad
		74	Belanda datang mengadap membawak suliknya tujuh buah

- | | | | |
|-----|--|-----|---|
| 76 | Sudah keluar sulik Belanda itu | 156 | Dilihat Belanda bertambat di jambatan Maharaja Denda |
| 78 | Balai Gambang meninggalkan Barhaman Indera | 158 | Baginda hendak ke Tanjung Putus |
| 80 | Bertolak dari Barhaman Indera | 160 | TuanKu Raja Ampuan hendak ke maqam Almarhum Haji Allah lalu mangkat |
| 84 | Sampai ke Pulau Chempaka Sari | 167 | Ikat-ikat Raja ke Laut |
| 87 | Baginda hendak menuba Sungai Budiman | 219 | Dikembalikan balik kepada hikayat |
| 92 | Raja Muda mambuat masjid | 220 | Sultan Iskandar mangkat |
| 95 | Baginda berangkat ke masjid dengan 'adatnya | 222 | Tabalkan TuanKu Raja Muda menjadi Sultan Raja Bendahara menjadi Raja Muda Raja Kechik Besar, Bendahara gelarnya |
| 97 | Menitahkan Tambi Kechik ke Benua Keling | 224 | Raja Selangor masuk ke Perak |
| 104 | Nakhoda kapal membeli gajah kepada baginda | 226 | Tabal Raja Selangor |
| 117 | Sultan Iskandar laki isteri bersiram di Balai Pancha Persada | 227 | Sultan Mahmud Shah membuat tempat di Pasir Pulau |
| 120 | Baginda Yang Maha Mulia hendak membuat mahligai | 227 | Raja Selangor menyilakan Raja Perak nikah puteranya |
| 123 | Tiga orang besar berhenti memulangkan bawarnya | 232 | Pengiran masuk ke Perak hendak melanggar Qedah |
| 125 | Raja Kechik Tengah menjadi Bendahara | 237 | Sultan Mahmud Shah mangkat |
| 128 | Baginda Ma'ulud al-Nabi di dalam mahligai | 238 | Sultan 'Ala al-Din menjadi raja |
| 132 | Baginda mudik ke Sayung | 243 | Lagu gendang Nobat |
| 138 | Baginda gering di Pachat | 245 | Salasilah kerajaan Perak [5] |
| 141 | Membayar qaul | | |
| 148 | Kapten Belanda masuk | | |
| 151 | Holanda menembak Shahbandar [4] | | |

LAMPIRAN 3



Foto 1. MS Or. 832 di Cambridge University Library




Foto 2. Halaman Faharasat MS Or. 832